6. Jika sekiranya atas permintaannya, seseorang petender diberikan salinan-salinan sesuatu Dokumen Sebut Harga, maka adalah menjadi tanggung jawabnya seorang diri untuk meneliti salinan-salinan itu dan memuaskan hatinya bahawa salinan-salinan itu adalah sebenarnya salinan-salinan dokumen yang termasuk dalam Dokumen Meja Tawaran. Jika sekiranya terdapat apa-apa perbezaan atau percanggahan antara mana-mana salinan yang diberi kepada petender dengan salinan dalam Dokumen Meja Tawaran atau antara mana-mana dokumen yang termasuk di dalamnya, maka adalah menjadi tanggungjawabnya seorang diri untuk memohon secara bertulis kepada Pegawai Penguasa supaya dibetulkan perbezaan atau percanggahan itu tidak lewat dari tujuh (7) hari sebelum tarikh akhir yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga bagi penyerahan Sebut harga. Apa-apa jawapan yang hendak dibuat oleh Pegawai Penguasa atas permohonan itu hendaklah dibuat dengan cara Memorandum Sebut harga yang hendaklah dihantar kepada semua petender. Memorandum Sebut harga itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Dokumen Sebut harga dan Sebut harga yang diterima akan disifatkan sebagai berdasarkan pada huraian, ubahsuaian atau perluasan kepada dokumen asal yang mengandunginya.
7. Petender hendaklah disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya dan telah berpuas hati sebelum menyerahkan sebut harganya tentang jenis bumi dan lapisan tanah, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dengan dan akses ke tapak bina, tempat tinggal yang mungkin dikehendaki dan pada amnya hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangka dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya.
8. Sebut harga-sebut harga hendaklah terus sah selama tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir bagi penyerahan sebut harga sebagaimana yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 (dalam Syarat-Syarat

Membuat Sebut harga ini disebut "Tempoh Sah Sebut harga") dan tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

9. Majlis tidak boleh terikat menyetujui terima Sebut Harga yang rendah sekali atau sesuatu Sebut harga dan juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu Sebut harga.

10. Petender yang berjaya (jika ada) hendaklah diberitahu tentang Sebut harganya dengan surat (disebut "Surat Setuju terima Sebut harga") dalam Tempoh Sah Sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan. Petender tersebut hendaklah dengan seberapa segera yang praktik tetapi sebelum bermulanya Kerja mendeposit dengan Pegawai Penguasa, perkara-perkara berikut:

- (a) Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank/Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)/Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME)/Insurans/Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) berjumlah sebanyak 5% daripada Jumlah Harga Kontrak dan jikalau gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak, Majlis berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan;
- (b) Polisi Insurans / Takaful Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang atau kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (c) Polisi Insurans / Takaful Kerja atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (d) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO);

Petender tersebut hendaklah selanjutnya mendeposit Polisi-polisi Insurans yang berkenaan dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Nota Liputan diserahkan.

11. Semua jadual butir-butir yang dilampirkan kepada Dokumen Sebut Harga hendaklah diisi dan diserahkan oleh petender berserta dengan Sebut harganya.

12. Tiap-tiap notis yang hendak diberi kepada petender bolehlah diposkan ke alamatnya yang dinyatakan dalam Sebut Harga itu dan pengeposan itu hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang sempurna akan notis itu.

13. Perkataan "petender yang berjaya" hendaklah bererti bahawa petender yang mana Sebut harganya telah diluluskan dan disetujui terima oleh Majlis.

14. Perkataan "petender" dalam Syarat-Syarat ini hendaklah disifatkan sebagai termasuk dua orang atau lebih.

15. Jika petender tidak mematuhi Syarat-Syarat tersebut di atas mengenai apa-apa jua hal maka Sebut harganya boleh ditolak.

16. Syarat-Syarat Membuat Sebut Harga ini, setakat mana Syarat-Syarat itu mungkin menyentuh pelaksanaan Kontrak ini, hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Kontrak ini.

17. Petender akan dikenakan **Denda Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD)** sekiranya tidak dapat menyiapkan kerja dalam tempoh yang telah ditawarkan atau apa-apa dalam tempoh lanjutan yang diperuntukan seperti dibawah :-

$$\text{L.A.D perday} = \frac{\% PR \times \text{Contract Sums}}{365 \text{ day}}$$

*(Tertakluk kepada denda minima RM 100/hari atau mana yang lebih tinggi)

18. Petender adalah terikat dengan Syarat-Syarat Kontrak dan Addenda Syarat-Syarat Kontrak P.W.D Form 203 (Rev. 1/2010) yang akan digunapakai untuk kerja-kerja ini.

19. Petender adalah **diwajibkan mengemukakan Borang 49 dan 24** untuk perniagaan Sendirian Berhad dan **Borang D** atau **Borang E** untuk perniagaan tunggal bersama-sama dengan Dokumen Sebut harga ini. Petender yang gagal mengemukakan borang-borang berkenaan akan menjejaskan penilaian Sebut harga dan kemungkinan besar petender tidak akan dipertimbangkan.

20. Sekiranya kontraktor membuat **tuntutan palsu atau penipuan**, pihak MBSJ akan mengambil tindakan undang-undang atas kesalahan tersebut dan kontrak kerja akan ditamatkan serta merta.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN E

PREAMBLES

BIL	<i>PREAMBLES</i>
	<p>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN</p> <p>A Nota makluman dan pematuhan ini merupakan sebahagian dari dokumen kontrak dan perlu dibaca bersama-sama dengan senarai kuantiti yang diterangkan didalamnya.</p> <p>B Kontraktor adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami semua kandungan dokumen senarai kuantiti ini termasuk semua keterangan di dalam <i>preambles</i>, kerja-kerja awalan (<i>preliminaries</i>), senarai kuantiti dan spesifikasi kerja. ini adalah bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua kerja yang dinyatakan mengikut spesifikasi dan piawaian yang telah ditetapkan di dalam spesifikasi kerja dan senarai kuantiti ini. Kontraktor pada setiap masa, perlu merujuk kepada pegawai penguasa atau wakil pegawai penguasa sekiranya terdapat permasalahan di tapak. Dengan menandatangani dokumen ini, pihak kontraktor telah mengesahkan bahawa pihaknya telah pun membaca dan memahami segala isi kandungan dokumen ini.</p> <p>BAYARAN FI PERKHIDMATAN BAGI PENGURUSAN KONTRAK</p> <p>C Pentender akan menanggung Fi perkhidmatan bagi pengurusan Kontrak sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Jumlah bayaran hendaklah merujuk kepada LAMPIRAN A dalam Arahan Kepada Pentender.</p> <p>BAHAN-BAHAN ELEKTRIK</p> <p>D Semua bahan dan peralatan elektrik yang digunakan hendaklah yang baru (belum terpakai) dan sesuai kepada sistem bekalan tempatan.</p> <p>E Untuk bahan-bahan dan peralatan elektrik, hanya jenama-jenama, jenis atau model-model yang telah diluluskan dari semasa ke semasa akan diterima dan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa .</p> <p>F Bagi bahan-bahan dan peralatan-peralatan elektrik di mana tiada jenama, jenis atau model yang telah diluluskan, maka pertimbangan untuk penggunaan barang-barang ini boleh dipertanggungjawabkan kepada Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa.</p> <p>SYARAT-SYARAT</p> <p>G Kerja-kerja elektrik yang dijalankan hendaklah mematuhi Undang-Undang, Undang-Undang Kecil, Peraturan-peraturan, dan Pekeliling-Pekeliling yang dikeluarkan oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Suruhanjaya Tenaga ii. Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan iii. Jabatan Bomba dan Penyelamat iv. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. v. Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik. vi. Pihak Berkuasa Tempatan.

BIL	PREAMBLES
A	<p>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN (SAMB.)</p> <p>Kerja-kerja elektrik yang dijalankan hendaklah juga mengikut bahagian-bahagian yang berkenaan dengannya di dalam:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Spesifikasi Standard JKR Cawangan Elektrikii. Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) dan semasaiii. Undang-undang Kecil Seragam Bangunan semasaiv. Peraturan-peraturan Elektrik 1994v. Edisi terbaru MS IEC 364;1996 / BS 7671 (IEE Wiring Regulation)vi. 'Standards and Codes of Practice' berkenaan yang dikeluarkan oleh SIRIM/Jabatan Standard.
B	<p>Pengujian:</p> <ul style="list-style-type: none">i-Kerja-kerja elektrik hendaklah diuji mengikut Peraturan-Peraturan yang telah ditetapkan dan semua keputusan ujian hendaklah diserahkan kepada Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa.ii-Kontraktor hendaklah berurusan dengan pihak Pemegang Lesen / Pihak Berkuasa Bekalan seperti Tenaga Nasional Berhad dan sebagainya untuk keperluan seperti pemeriksaan, pengujian, penyambungan bekalan elektrik, pemasangan meter dan lain-lain.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

PENENTUAN KERJA

PENENTUAN KERJA

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU ISYARAT

1.0 BIDANG KERJA

Kerja-kerja yang dijalankan di bawah kontrak ini adalah KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU ISYARAT BAGI TAHUN 2025 UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

Bidang kerja yang terlibat ialah :

- 1.1 Kerja-kerja Permulaan Dan Persediaan.
 - a. Penyediaan Insuran Kerja
 - b. Penyediaan Bon Perlaksanaan Kerja
 - c. Penyediaan Peralatan Keselamatan Kerja
- 1.2 Kerja-kerja penyelenggaraan lampu isyarat seperti berikut :
 - a. Tenaga Kerja dan Tunggu Sedia;
 - b. Penyelenggaraan Peti/Alat Kawalan;
 - c. Penyelenggaraan Tiang dan Lampu Isyarat;
 - d. Penyelenggaraan Sistem Pengesan;
 - e. Pemasangan Peti/Alat Kawalan Baru;
 - f. Pemasangan Kabel;
 - g. Kerja-Kerja Pengorekan dan Kekemasan;
 - h. Kerja-kerja Berkaitan.

2.0 KAWASAN KERJA

Kawasan-kawasan kerja di bawah tawaran ini adalah seperti dalam senarai inventori lokasi yang disertakan, **termasuk di seluruh kawasan pentadbiran MBSJ** mengikut arahan Pegawai Penguasa atau Wakilnya.

3.0 TEMPOH KONTRAK

Kontrak kerja penyelenggaraan ini berkuatkuasa untuk tempoh dua belas (12) bulan. Tarikh sebenar kontrak ini akan ditentukan seperti dalam surat tawaran.

4.0 LAWATAN DAN PEMERIKSAAN KE KAWASAN KERJA

Kontraktor hendaklah melawat serta memeriksa kawasan-kawasan penyelenggaraan melalui rondaan rutin (seminggu sekali) dan melaporkan keadaan serta jenis kerosakan yang perlu diambil tindakan untuk diluluskan oleh Pegawai Penguasa atau Wakilnya.

5.0 PEKERJA DAN PERALATAN KERJA

- 5.1 Kontraktor hendaklah menyediakan pekerja-pekerja termasuk **pekerja kompeten**, peralatan kenderaan dan jentera-jentera yang sesuai dan mencukupi bagi kerja-kerja yang dijalankan di bawah kontrak ini dengan perbelanjaan sendiri.
- 5.2 Pekerja asing hendaklah memenuhi syarat-syarat kemasukan Pihak Berkuasa yang berkaitan.
- 5.3 Bagi maksud kesempurnaan menjalankan kerja-kerja tersebut Kontraktor hendaklah memastikan segala peralatan, kenderaan dan jentera-jentera yang dimaksudkan itu sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Kelulusan PUSPAKOM perlu diperolehi bagi kenderaan-kenderaan perdagangan.

6.0 PERWAKILAN KONTRAKTOR

Kontraktor dikehendaki melantik seorang wakil yang dikenali sebagai Penyelia yang telah diberikuasa menggantikan beliau semasa ketiadaannya dan apa-apa arahan yang telah diberi kepada wakil itu oleh Majlis hendaklah dianggap telah diterima oleh kontraktor tersebut.

7.0 PERLAKSANAAN KERJA

- 7.1 Kerja-kerja penyelenggaraan ini berjalan **24 jam setiap hari termasuk hari Ahad dan cuti Am** sekiranya diarahkan oleh Pegawai Penguasa atau Wakilnya.
- 7.2 Kontraktor hanya dibenarkan untuk melaksanakan kerja di tapak setelah mendapat arahan dari Pegawai Penguasa atau Wakilnya. Namun begitu kontraktor juga digalakkan bekerja secara konsep 'SALESMAN' tetapi masih juga perlu memaklumkan serta mendapatkan arahan dan kebenaran kerja daripada Pegawai Penguasa atau Wakilnya.

- 7.3 Kontraktor dikehendaki memberi respon **SERTA-MERTA** terhadap aduan/arahan kerja yang diterima dan dikehendaki menyelesaikan aduan/arahan kerja tersebut dalam tempoh **24 jam** dari waktu aduan/arahan kerja berkenaan diberikan. Bagi aduan/arahan kerja yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 24 jam tersebut, kontraktor hendaklah memaklumkan dan mengemukakan laporan teknikal bagi menerangkan punca kerosakan kritikal. Tempoh penyelesaian maksimum adalah 3 hari dari tarikh aduan/arahan kerja diterima.
- 7.4 Kontraktor dikehendaki melaporkan / memberi maklumbalas lisan / telefon kepada Pegawai Penguasa atau Wakil terhadap setiap kerja-kerja pembaikan yang telah selesai dilakukan di tapak.
- 7.5 Kontraktor juga dikehendaki mengemukakan Laporan Kerja Harian (mengikut format dan borang seperti yang telah diarahkan oleh Pegawai Penguasa atau Wakil) bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan di tapak bersama-sama tuntutan bulanan.

8.0 **KESELAMATAN**

- 8.1 Kontraktor hendaklah memastikan tidak ada sebarang kacauganggu kepada orang awam semasa menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan di tapak.
- 8.2 Kontraktor dikehendaki menyediakan peralatan keselamatan yang secukup sewaktu menjalankan kerja di tapak seperti kon, pemantul cahaya dan papantanda keselamatan.
- 8.3 Kontraktor dikehendaki untuk menjamin kepentingan dan keselamatan kenderaan, orang awam dan pekerja semasa menjalankan kerja. Sebarang kemalangan atau kerosakan yang diakibatkan oleh kecuaiian pihak kontraktor adalah di bawah tanggungan kontraktor.
- 8.4 Semua pekerja kontraktor hendaklah memakai Vest keselamatan semasa menjalankan kerja di tapak.

9.0 **PEMBAYARAN**

- 9.1 Tuntutan hendaklah dikemukakan kepada pihak Majlis dalam tempoh **30 hari** selepas tamat tempoh sebulan bagi bulan yang dituntut.

- 9.2 **Denda Lewat** (caj pemotongan) akan dikenakan kepada kontraktor sekiranya berlaku kelewatan pengemukakan tuntutan bulanan yang melebihi tempoh yang telah ditetapkan tersebut berdasarkan jumlah tuntutan seperti berikut :

Bil	Harga Tuntutan	Kadar Potongan
1	RM20,000 dan ke bawah	RM50/sehari
2	RM20,001 – RM50,000	RM100/sehari
3	RM50,001 dan ke atas	RM200/sehari

- 9.3 Pembayaran akan dibuat berdasarkan kepada kerja-kerja yang telah selesai dijalankan seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa atau Wakil mengikut seperti di dalam Jadual Kadar Harga.
- 9.4 Sebarang tuntutan bayaran tambahan daripada jumlah yang telah dipersetujui tidak akan dilayan sekiranya kontrak ini tersalah anggaran atau tersalah kira oleh pihak kontraktor.

10.0 PENAMATAN KONTRAK

Kontrak ini boleh ditamatkan oleh Majlis jika pemborong didapati membuat sebarang kesalahan seperti di bawah ini :

- i. Tanpa sebarang sebab, semua kerja ditangguh sebelum tarikh penyiapan ataupun aduan-aduan tidak diselesaikan mengikut jangkamasa yang telah ditetapkan dan tidak mengikut arahan Pegawai Penguasa atau Wakilnya;
- ii. Gagal meneruskan kerja-kerja dengan sebab-sebab yang tidak munasabah.
- iii. Mengalami keadaan bankrup atau syarikat ditukar milik iaitu tidak dapat membayar hutang atau membuat tukar milik untuk kepentingan pihak peminjam atau memecahkan kontrak-kontrak kecil tanpa kebenaran.
- iv. Sekiranya kontraktor gagal mematuhi arahan kerja yang diberi dalam tempoh masa yang ditetapkan, **pihak Majlis akan mengeluarkan Notis Amaran Pertama, Notis Amaran Kedua dan sekiranya masih gagal, pihak Majlis akan mengeluarkan Notis Penamatan Konktrak di atas kegagalan tersebut.**

- v. Pihak Majlis juga **berhak menamatkan** kontrak pada bila-bila masa apabila didapati peruntukkan kewangan bagi kontrak tersebut telah **mencapai kos siling**. Untuk makluman, perbelanjaan keseluruhan kos siling bagi kontrak ini juga adalah tertakluk kepada keperluan kerja semasa di tapak dan bukannya hak mutlak kontraktor.

11.0 PENYERAHAN NOTIS KEPADA KONTRAKTOR

Apa-apa notis yang hendak diserahkan kepada Kontraktor di bawah kontrak ini hendaklah diserahkan dengan cara menghantar melalui pos berdaftar kepada tempat perniagaan berdaftar Kontraktor atau lain-lain alamat sebagaimana yang dinyatakan oleh Kontraktor dari masa ke semasa / melalui telefon / melalui faksimili. Penukaran alamat / telefon / faksimili oleh kontraktor hendaklah diberitahu secara bertulis kepada Majlis dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh penukaran.

12.0 PECAHAN KONTRAK

Sekiranya pihak kontraktor telah melanggar mana-mana peruntukan di dalam kontrak ini atau gagal melaksanakan tanggungjawab seperti yang telah diarahkan atau ditetapkan, Yang Dipertua boleh melantik kontraktor lain untuk melakukan kerja-kerja yang tertangguh tersebut atau yang langsung tidak dilaksanakan dan dengan itu pihak kontraktor terpaksa menanggung segala kos bagi kerja-kerja yang tertangguh itu samada dipotong daripada bayaran yang sepatutnya dibayar kepada kontraktor tersebut dan apa jua kos lebihan hendaklah ditanggung oleh pihak kontraktor.

13.0 SUB KONTRAK

Kontraktor tidak boleh pada bila-bila masa memajamkan (Sub Kontrak) atau melepaskan semua atau sebahagian dari kontrak ini kepada orang lain.

14.0 PEMBERSIHAN TAPAK KERJA

Kontraktor hendaklah membuat kerja-kerja pembersihan tapak termasuk pembuangan sisa-sisa penyelenggaraan alat ganti seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa atau Wakilnya.

15.0 MAKLUMAT KERJA

Maklumat-maklumat berkaitan dengan kerja ini boleh didapati daripada Jabatan Kejuruteraan, Majlis Bandaraya Subang Jaya.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

JADUAL KADAR HARGA

JADUAL KADAR HARGA**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA****KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU ISYARAT BAGI TAHUN 2025 UNTUK
MBSJ, SELANGOR DARUL EHSAN**

BAHAGIAN	KANDUNGAN	MUKA SURAT
A	KERJA-KERJA PERMULAAN DAN PERSEDIAAN	A/1/1
B	KERJA-KERJA TENAGA KERJA & TUNGGU SEDIA	B/1/2-B/2/2
C	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PETI/ALAT KAWALAN	C/1/6 - C/6/6
D	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TIANG DAN LAMPU ISYARAT	D/1/3 - D/3/3
E	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM PENGESAN	E/1/1
F	KERJA-KERJA PEMASANGAN PETI/ALAT KAWALAN BARU	F/1/3 - F/3/3
G	KERJA-KERJA PEMASANGAN KABEL	G/1/1
H	KERJA-KERJA PENGOREKAN DAN KEKEMASAN	H/1/1 - H/1/2
J	KERJA-KERJA BERKAITAN	J/1/2 - J/2/2

JADUAL KADAR HARGA

BIL	HURAIAN	KADAR HARGA (RM)
	<u>KERJA-KERJA PERMULAAN DAN PERSEDIAAN</u>	
A	Menyediakan Perlindungan Insurans/Takaful Kerja dan Tanggungan Awam (<i>Contractor All Risk Insurance</i>) - (bayaran akhir adalah tertakluk kpd nilai premium insuran)	1,100.00
B	Menyediakan Perlindungan Insurans/Takaful Pampasan Kerja (<i>Workmen Compensation Insurance</i>) - (bayaran akhir adalah tertakluk kpd nilai premium insuran)	300.00
	Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)	
	** Petender adalah digalakkan untuk mengambil pelan perlindungan Takaful berbanding pelan Perlindungan Insurans.	
C	Menyediakan Bon Pelaksanaan (<i>Performance Bond</i>) dalam bentuk:-	
	i) Jaminan Bank/Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan); atau	4,300.00
	ii) Jaminan Syarikat Kewangan; atau	
	iii) Jaminan Insurans/Takaful	
D	Menyediakan segala peralatan keselamatan yang mencukupi semasa bekerja seperti papan tanda, <i>safety vest</i> , bendera, lampu bikon, kon dan lain-lain keperluan yang berkaitan.	2,000.00
E	Membekal peralatan sesuai seperti <i>Handheld Terminal/Keyboard Display Unit/Laptop</i> lengkap dengan <i>software/program</i> dan aksesori berkaitan untuk <i>Controller</i> lampu isyarat (<i>SCAE/ATSC/PHILIPS/DYNA</i> dan lain-lain) beserta latihan penggunaan bagi tujuan pemantauan dan mengemaskini data di tapak.	3,800.00
	Penyediaan Laporan Bergambar	
F	Menyediakan dan mengemukakan tuntutan bayaran interim yang lengkap termasuk senarai kuantiti (<i>taking off</i>), borang arahan kerja, pengukuran kerja-kerja di tapak seperti panjang, lebar, tebal atau dalam atau tinggi, 2 salinan laporan bergambar termasuk gambar sebelum, gambar semasa dan gambar selepas diambil pada satu kedudukan yang sama dicetak di atas kertas berukuran A4 putih lengkap dengan tarikh yang dijilid kemas (<i>binding</i>) siap dengan dua keping pembalut plastik dibahagian hadapan dan belakang laporan dan lain-lain arahan penambahbaikan dari semasa ke semasa sepanjang tempoh kontrak.	3,000.00
G	Pembayaran <i>bill Utility</i> sewaan <i>dashboard stars system TM</i> (lampu isyarat) lengkap dengan <i>connectivity</i> secara bulanan setiap <i>controller</i> .	60.00
	Membekal peralatan kerja bagi kegunaan Pegawai Penguasa/wakilnya untuk tujuan memeriksa, menyelia dan mengurus kerja-kerja penyelenggaraan selama tempoh kontrak seperti berikut :	
H	<i>Clamp Meter (Digital) (1 nos)</i>	800.00
J	<i>Insulation Tester (Digital) (1 nos)</i>	2,000.00
K	<i>Earthing Tester (Digital) (1nos)</i>	5,000.00
L	<i>Measuring Wheel (Digital) (1 nos)</i>	1,200.00
M	Kelengkapan peralatan <i>Tools Box</i> yang berkaitan	500.00

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
	<p>Kadar Harga bagi setiap item di dalam Jadual Kadar Harga kerja-kerja penyelenggaraan ini adalah termasuk menyediakan dan menghantar semua bahan-bahan, memunggah, memotong dan pembaziran pada bahan-bahan, menyimpan, membungkus, mengangkut, dan membuang, pemasangan kelengkapan pada tempatnya, penggunaan loji, pengawasan, caj penempatan, keuntungan dan tenaga buruh yang lain dan semua yang diperlukan untuk menyiapkan sesuatu kerja dengan sempurna.</p> <p><u>KERJA-KERJA TENAGA KERJA & TUNGGU SEDIA</u></p>		
A	<p>Menyediakan tenaga kerja, peralatan dan kenderaan bagi menghadapi setiap aduan kerosakan yang diterima termasuk memeriksa/mencari punca kerosakan sistem lampu isyarat pada Peti Kawalan/<i>Service Door/Aspect</i> mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa. (alat-alat ganti dikira berasingan)</p> <p><i>(Nota: Kontraktor hendaklah memberi respon SERTA-MERTA terhadap setiap aduan yang diterima dari tarikh/masa penerimaan panggilan dan memastikan aduan diselesaikan dalam tempoh 24 jam serta melaporkan status aduan kepada Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa)</i></p>	Simpang	200.00
B	<p>Menyediakan tenaga kerja dan kenderaan untuk rondaan rutin lampu isyarat ke semua lokasi persimpangan yang terlibat di dalam kawasan zon selenggaraan (1 kali minggu) bagi tujuan pemantauan rutin fungsi lampu isyarat mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa. (<i>Laporan Rondaan perlu dikemukakan bersama Laporan Kerja Harian</i>)</p>	Simpang	50.00
C	<p>Menyediakan laporan kerja-kerja pemeriksaan dan penyelenggaraan lampu isyarat termasuk gambarfoto, pelan lokasi, litar skematik dan sebagainya mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.</p>	Bulan	150.00
D	<p>Menyediakan tenaga kerja, peralatan dan kenderaan untuk kerja-kerja tunggu sedia bagi kerja-kerja kecemasan atau lain-lain perkara yang berkaitan apabila diperlukan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.</p>	Jam	50.00
E	<p>Menyediakan jentera <i>Skylift</i> untuk kerja-kerja yang melibatkan tiang lampu isyarat <i>Overhead</i> atau lain-lain perkara yang berkaitan apabila diperlukan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.</p>	Hari	600.00
F	<p>Menyediakan jentera <i>Backhoe</i> untuk kerja-kerja korekan jalan/bahu jalan atau lain-lain perkara yang berkaitan apabila diperlukan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.</p>	Hari	600.00
G	<p>Menyediakan <i>Standby/Temporary Controller</i> menggantikan fungsi alat kawalan sedia ada ditapak sementara kerja-kerja baikpulih dijalankan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.</p>	Simpang	3,000.00
H	<p>Pembayaran Caj bulanan untuk sewaan perkhidmatan <i>TELCO</i>/berkaitan bagi Sistem Pemantauan Kamera Pintar lampu isyarat mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.</p>	Simpang	350.00

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
	<p>Kadar Harga bagi setiap item di dalam Jadual Kadar Harga kerja-kerja penyelenggaraan ini adalah termasuk menyediakan dan menghantar semua bahan-bahan, memunggah, memotong dan pembaziran pada bahan-bahan, menyimpan, membungkus, mengangkut, dan membuang, pemasangan kelengkapan pada tempatnya, penggunaan loji, pengawasan, caj penempatan, keuntungan dan tenaga buruh yang lain dan semua yang diperlukan untuk menyiapkan sesuatu kerja dengan sempurna.</p> <p><u>KERJA-KERJA TENAGA KERJA & TUNGGU SEDIA (samb.)</u></p> <p>A Menyediakan <i>Portable UPS with 1000W True Power Sine Wave DC-AC Inverter including AC Charger and maintenance free deep cycle battery</i> untuk memberi bekalan elektrik sementara (sekurang-kurangnya 2 jam) kepada <i>Controller</i> ketika terdapat permasalahan gangguan bekalan elektrik TNB atau lain-lain keperluan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.</p>	Nos	10,000.00

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
	<u>KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PETI/ALAT KAWALAN</u>		
	Membekal dan memasang alat-alat ganti baru di dalam Peti Kawalan menggantikan sediada yang telah rosak menurut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.		
	<u>ALAT GANTI BARU</u>		
	<u>Controller SCAE MT4040</u>		
A	60A Cut-Out lengkap dengan fius, base & carrier.	Nos	150.00
B	Neutral Link	Nos	80.00
C	Main Switch (berkadaran sehingga 60A)	Nos	220.00
D	Surge Protection Device (SPD)	Nos	1,650.00
E	MCB (berkadaran sehingga 32A)	Nos	70.00
F	Auto Reset ELCB	Nos	2,500.00
G	AL40 PSU Module	Nos	3,500.00
H	CPU 40 Module	Nos	6,400.00
J	I/O40 I/O Module (Lamp Card)	Nos	3,900.00
K	AL40-24 Detector PSU Module	Nos	1,800.00
L	A1104S 4-Channel Detector Module	Nos	2,600.00
M	GPS40 Clock Module c/w Antenna	Nos	5,500.00
N	SMS Module w/o Sim Card	Nos	6,100.00
P	Lamp Output Cables and Termination Block (up to 8SG)	Nos	1,500.00
Q	Detector Flat Cable and Termination Block	Nos	750.00
R	Pushbutton Flat Cable and Termination Block	Nos	622.00
S	Fuse Holder complete with Fuse (sehingga 4A)	Nos	35.00
T	Fuse (sehingga 4A)	Nos	2.50
U	MT4040 Aluminium Housing	Nos	3,000.00
V	MT4040 Stainless Steel Key Lock Bracket	Nos	500.00
W	MT4040 Controller Housing Handle Lock	Nos	250.00

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
	<u>KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PETI/ALAT KAWALAN (Samb.)</u>		
	<u>ALAT GANTI BARU</u>		
	<u>Controller PHILLIPS PSC</u>		
A	60A Cut-Out lengkap dengan fius, base & carrier.	Nos	150.00
B	Neutral Link	Nos	80.00
C	Main Switch (berkadaran sehingga 60A)	Nos	220.00
D	Surge Protection Device (SPD)	Nos	1,650.00
E	MCB (berkadaran sehingga 32A)	Nos	70.00
F	Auto Reset ELCB	Nos	2,500.00
G	Mains Power Supply Filter Card/Board	Nos	572.00
H	Controller Power Supply Transformer	Nos	400.00
J	Processor Plus Card/Board	Nos	5,470.00
K	Power Supply Card/Board	Nos	3,800.00
L	Power Interface Card/Board	Nos	4,800.00
M	Input Card/Board	Nos	3,560.00
N	Lamp Control Card/Board	Nos	5,850.00
P	PD 216 - 16 Channel Detector Card	Nos	6,500.00
Q	Flasher Unit	Nos	4,450.00
R	Personality Module	Nos	1,150.00
S	Site-ID Card complete with Cable	Nos	954.00
T	Fuse (sehingga 4A)	Nos	2.50
U	Backplane	Nos	570.00
V	Ribbon Cable	Nos	340.00
W	Terminal Block (Loop/Lamp)	Nos	380.00
X	Ethernet Com Module (ECM)	Nos	4,500.00

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
	<u>KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PETI / ALAT KAWALAN (Samb.)</u>		
	<u>ALAT GANTI BARU</u>		
	<u>CONTROLLER ATSC4</u>		
A	60A Cut-Out lengkap dengan fius, base & carrier.	Nos	90.00
B	Neutral Link	Nos	2.50
C	Main Switch (berkadaran sehingga 60A)	Nos	220.00
D	MCB (berkadaran sehingga 32A)	Nos	45.00
E	Surge Protection Device (SPD)	Nos	1,650.00
F	Auto Reset ELCB	Nos	2,500.00
G	Site Identification Board	Nos	900.00
H	CardBus Personality Module	Nos	1,500.00
J	Logic Processor Module	Nos	6,900.00
K	EIM Input Module	Nos	3,300.00
L	NexGen Output Module (Lamp Card)	Nos	4,320.00
M	Power Interface Supply Board	Nos	5,910.00
N	Detector Card	Nos	6,500.00
P	Master Relay	Nos	482.00
Q	Flashing Unit	Nos	4,450.00
R	Flasher Relay	Nos	700.00
S	Terminal Block Lamp/Pedestrian	Nos	380.00
T	Loop Terminal Panel	Nos	1,000.00
U	Surge Arrestor-Plug-In (PC0110)	Nos	580.00
V	Schaftner Filter EMI STM6-102-301D Unit	Nos	480.00
W	Cable Assy Site ID ATSC4 (TC400-101)	Nos	400.00
X	Cable Assy Outputs 1-4 XA (TC400-106) / 5-8 XB (TC400-107)	Nos	150.00
Y	Cable Assy External Inputs (TC400-108)	Nos	180.00
Z	Cable Assy Main Loom (TC400-110)	Nos	410.00
AA	Cable Assy Loop Terminals XLD (TC400-112)	Nos	370.00

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
	<u>KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PETI/ALAT KAWALAN (Samb.)</u>		
	<u>ALAT GANTI BARU</u>		
	<u>Controller DYNA</u>		
A	<i>Main Switch (berkadaran sehingga 60A)</i>	Nos	220.00
B	<i>MCB (berkadaran sehingga 32A)</i>	Nos	70.00
C	<i>DYNA Auto Reset</i>	Nos	3,100.00
D	<i>DYNA Power Supply 12V - 3A</i>	Nos	3,000.00
E	<i>DYNA CPU CARD</i>	Nos	6,500.00
F	<i>DYNA CPU 2560</i>	Nos	3,500.00
G	<i>DYNA LCD Assembly</i>	Nos	3,500.00
H	<i>DYNA Smart Output Card 2 Channel</i>	Nos	2,200.00
J	<i>DYNA Back Plane Card</i>	Nos	3,500.00
K	<i>DYNA Flasher Module</i>	Nos	3,800.00
L	<i>1 Channel Detector Card TD136</i>	Nos	2,200.00
M	<i>DYNA Camera AI</i>	Nos	16,000.00
N	<i>DYNA Camera AI Relay</i>	Nos	5,500.00
P	<i>DYNA Edge Ai Flow</i>	Nos	18,000.00
Q	<i>DYNA Flasher Relay</i>	Nos	200.00
R	<i>DYNA EMI Filter</i>	Nos	1,900.00
S	<i>DYNA Surge 240VAC (80KA)</i>	Nos	1,900.00
T	<i>DYNA Surge 12VDC (10KA)</i>	Nos	1,650.00
U	<i>DYNA Isolation Transformer 50VA</i>	Nos	1,500.00
V	<i>DYNA Isolation Transformer 1200VA</i>	Nos	3,500.00
W	<i>DYNA Over Under Voltage Protection</i>	Nos	3,100.00
X	<i>Output Cables and Termination Block (Loop/Lamp) (up to 8SG)</i>	Nos	4,800.00
Y	<i>Industrial Network Swtich</i>	Nos	2,500.00
Z	<i>Industrial Router</i>	Nos	2,600.00
AA	<i>Power Supply Unit For Stars Gateway</i>	Nos	1,800.00
AB	<i>IOT REACT Box</i>	Nos	15,000.00
AC	<i>RF Greenwave Link Module</i>	Nos	9,000.00
AD	<i>Pole Connector</i>	Nos	380.00

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
	<u>KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PETI/ALAT KAWALAN (Samb.)</u>		
	<u>ALAT GANTI BARU</u>		
	<u>Controller DYNA</u>		
A	<i>POE Ethernet Switch</i>	Nos	4,500.00
B	<i>POE Power Supply</i>	Nos	3,500.00
C	<i>Surge Protection Devices (SPD) for each camera installation (both end)</i>	Nos	3,500.00
D	<i>RADAR Vehicle Detection</i>	Nos	3,800.00
E	<i>RADAR Access Point</i>	Nos	3,500.00
F	<i>RADAR Power Supply Unit</i>	Nos	3,000.00
G	<i>Flasing Blue LED Beacon 12 VDC & Bracket Untuk KJAP 4-Traffic Light signal</i>	Nos	800.00
H	<i>Police Action Control Transmitter handheld unit mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Pegawai Penyelia</i>	Nos	2,500.00
J	<i>NEUTRAL EARTH DETECTION UNIT</i>	Nos	6,000.00
K	<i>DTS VA Wireless Countdown Red/Green 800mm X 600mm</i>	Nos	8,000.00
L	<i>DTS RF Countdown Driver</i>	Nos	2,500.00
M	<i>DTS Countdown Power Supply Unit</i>	Nos	1,300.00
N	<i>DTS Countdown Antenna</i>	Nos	500.00
P	<i>DTS CountdownLED Module</i>	Nos	350.00
Q	<i>Bateri Sel Kering 12V 7.2AH</i>	Nos	150.00
R	<i>LED Road Stod Light</i>	Nos	1,600.00
S	<i>LED Pavement Light</i>	Nos	6,500.00
T	<i>Pole light tube include the control box overhead pole</i>	Nos	12,000.00
	<u>Controller PLC KOYO</u>		
U	<i>60A Cut-Out lengkap dengan fius, base & carrier.</i>	Nos	150.00
V	<i>Power Supply Unit</i>	Nos	1,200.00
W	<i>PLC Unit (complete with program)</i>	Nos	7,500.00
X	<i>Power Supply Card</i>	Nos	2,400.00
Y	<i>CPU Card</i>	Nos	2,500.00
Z	<i>Input Card</i>	Nos	2,100.00
AA	<i>Output Card</i>	Nos	2,100.00
AB	<i>24VDC Relay (up to 12 Pin)</i>	Nos	280.00
AC	<i>240VAC Relay (up to 12 Pin)</i>	Nos	280.00

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
	<u>KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PETI/ALAT KAWALAN (Samb.)</u>		
	<u>ALAT GANTI BARU</u>		
	<u>Controller SCAE VEGA</u>		
A	Relay Base Unit	Nos	150.00
B	Detector Unit	Nos	2,400.00
C	Detector Base Unit	Nos	400.00
D	Flasher Unit	Nos	1,900.00
E	Termination Block	Nos	380.00
F	60A Cut-Out lengkap dengan fius, base & carrier.	Nos	150.00
G	Neutral Link	Nos	80.00
H	Main Switch (berkadaran sehingga 60A)	Nos	220.00
J	Surge Protection Device (SPD)	Nos	1,650.00
K	MCB (berkadaran sehingga 32A)	Nos	70.00
L	Auto Reset ELCB	Nos	2,500.00
M	AL64 PSU Module	Nos	5,500.00
N	CPU 64 Module	Nos	9,500.00
P	I/O64 I/O Module (Lamp Card)	Nos	5,500.00
Q	DET 416 4-Channel Detector Module	Nos	3,300.00
R	AUX64 Bluetooth Card + GPS Clock	Nos	5,500.00
S	SMS Module w/o Sim Card	Nos	6,100.00
T	Lamp Output Cables and Termination Block (up to 8SG)	Nos	1,400.00
U	Detector Flat Cable and Termination Block	Nos	750.00
V	Pushbutton Flat Cable and Termination Block	Nos	750.00
W	Fuse Holder complete with Fuse (sehingga 4A)	Nos	35.00
X	Fuse (sehingga 4A)	Nos	2.50
Y	MT4040 Aluminium Housing	Nos	3,200.00
Z	MT4040 Stainless Steel Key Lock Bracket	Nos	500.00
AA	MT4040 Controller Housing Handle Lock	Nos	250.00

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
	<u>KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TIANG DAN LAMPU ISYARAT</u>		
	Membekal dan memasang tiang keluli <i>hot dipped galvanised Vertical Pole</i> dengan ketinggian sehingga 5 meter lengkap dengan <i>service door</i> berengsel termasuk segala kelengkapan mengikut spesifikasi MBSJ.		
A	<i>Planted Type</i>	Nos	1,268.00
B	<i>Flanged Type</i> (termasuk <i>concrete base</i>)	Nos	1,611.00
C	Membekal dan memasang tiang keluli <i>hot dipped galvanised Overhead Pole (flanged type)</i> dengan ketinggian sehingga 6.5m dan <i>Arm</i> sehingga 5.5m lengkap dengan <i>service door</i> berengsel dan <i>concrete base</i> termasuk segala kelengkapan mengikut spesifikasi MBSJ.	Nos	6,500.00
D	Membekal dan menggantikan <i>hot dipped galvanised/fibre glass service door</i> sediaada yang telah rosak/hilang untuk tiang lampu isyarat sediaada mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.	Nos	220.00
E	Membekal dan memasang tiang lampu jalan jenis spun konkrit bulat tirus tinggi 9/10m termasuk mengorek, menegak dalam tanah dan mengambus serta lain-lain aksesori kelengkapan berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.	Nos	1,300.00
F	Membekal dan memasang set kelengkapan pada tiang konkrit (<i>Dead-end Clamp, J-Hook, Suspension</i>) untuk perjalanan kabel Talian Atas dan lain-lain aksesori kelengkapan berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.	Nos	150.00
	Kerja-kerja mencabut/mengalihkan tiang, aspect serta LED lampu isyarat sediaada/dilanggar dan menghantar ke stor seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa termasuk cable disconnection, kerja-kerja pembersihan tapak dan pengangkutan serta lain-lain yang berkaitan.		
G	<i>Vertical Pole</i>	Nos	300.00
H	<i>Overhead Pole</i>	Nos	750.00
J	Kerja-kerja mengecat tiang lampu isyarat (<i>Vertical/Overhead</i>) sediaada mengikut spesifikasi MBSJ dan arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.	Nos	150.00
K	Kerja-kerja menegak/meluruskan tiang lampu isyarat yang condong termasuk segala kelengkapan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.	Nos	250.00
L	Kerja-kerja memecahkan <i>concrete barrier/footing</i> sedia ada termasuk pembersihan tapak dan pengangkutan.	Nos	300.00
M	Kerja-kerja membina <i>concrete barrier/footing</i> pada kaki tiang lampu isyarat mengikut ukuran seperti yang diarahkan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.	Nos	450.00

Dokumen Meja Terkawal

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
	<u>KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TIANG DAN LAMPU ISYARAT (Samb.)</u>		
A	Kerja-kerja membersih/mencuci lensa <i>aspect</i> lampu isyarat dengan bahan yang bersesuaian mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.	Nos	30.00
B	Membekal dan memasang <i>Pedestrian Set</i> jenis <i>LED</i> dengan 2 digit <i>Redman Countdown</i> dan <i>Greenman Animated</i> (2x300mm) pada tiang lampu isyarat sediaada/baru termasuk <i>bracket</i> , penyambungan kabel serta kelengkapan aksesori.	Nos	3,500.00
	Membekal dan memasang <i>Pedestrian Pushbutton</i> untuk jenis berikut pada tiang lampu isyarat sediaada/baru termasuk penyambungan kabel serta kelengkapan aksesori :		
C	<i>Mechanical Spring Actuated with REDMAN LED</i>	Nos	850.00
D	<i>Compact with Capacitive Sensor Through Simple Touch</i>	Nos	3,500.00
E	<i>Built-In Digital Acoustic Sound with OKU Features (Capacitive Sensor Through Simple Touch, Braille Script Attached, Programmable Sounds etc)</i>	Nos	5,000.00
F	Membekal dan memasang <i>Wireless Touch Sensor Button</i> 24 V AC untuk <i>Pedestrian Crossing</i> pada tiang lampu isyarat sediaada/baru termasuk penyambungan kabel serta kelengkapan aksesori.	Nos	5,500.00
G	Membekal dan memasang <i>Intelligent Acoustic Beeper</i> dengan fungsi <i>Automated Sound Levelling Adjustment</i> untuk <i>Pedestrian Crossing</i> pada tiang lampu isyarat sediaada/baru termasuk penyambungan kabel serta kelengkapan aksesori.	Nos	4,800.00
	Membekal dan mengganti bahagian-bahagian <i>aspect housing</i> sediaada yang telah rosak/hilang menurut arahan Pegawai Penguasa.		
H	<i>Backing Board (Fiber) 3x300mm</i>	Nos	240.00
J	<i>Aspect Door 300mm</i>	Nos	180.00
K	<i>Visor 300mm</i>	Nos	150.00
L	<i>Housing 3x300mm</i>	Nos	300.00
M	<i>Housing Bracket</i>	Nos	120.00
	Membekal dan mengganti set lengkap <i>aspect housing</i>, pada tiang lampu isyarat sediaada/baru termasuk <i>Hi-Flux LED module, Aspect Door, bracket, penyambungan</i> serta kelengkapan aksesori.		
N	<i>Type A (3x300mm)</i>	Nos	3,500.00
P	<i>Type B/C/D (3x300mm)</i>	Nos	3,500.00
Q	<i>Type E/F/G (4x300mm)</i>	Nos	4,950.00
R	<i>Type K/M/Q/X (4x300mm)</i>	Nos	4,950.00
S	<i>Type H/S/N (3x300mm)</i>	Nos	3,500.00
T	<i>Type L/L1T (4x300mm)</i>	Nos	4,950.00
U	<i>Type R/U/Y (1x300mm)</i>	Nos	1,500.00
V	<i>Type P (2x300mm)</i>	Nos	2,500.00
W	<i>Type A or B/C/D (3x300mm) with Fixed Time Plan Countdown / Last Fixed Flashing Green Countdown Amber</i>	Nos	4,100.00

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
	<u>KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TIANG DAN LAMPU ISYARAT (Samb.)</u>		
	Membekal dan mengganti <i>single Hi-Flux LED module (300mm diameter)</i> pada <i>aspect</i> sediaada (<i>Vertical/Overhead pole</i>) termasuk penyambungan kabel serta kelengkapan aksesori.		
A	<i>Red Module</i>	Nos	1,440.00
B	<i>Amber Module</i>	Nos	1,450.00
C	<i>Green Module</i>	Nos	1,865.00
D	<i>Red Arrow Module</i>	Nos	1,465.00
E	<i>Amber Arrow Module</i>	Nos	1,485.00
F	<i>Green Arrow Module</i>	Nos	1,905.00
G	<i>Red Pedestrian Module</i>	Nos	1,505.00
H	<i>Green Pedestrian Module</i>	Nos	1,948.00
J	Membekal dan mengganti <i>single 300mm LED Amber module with Fixed Time Plan Countdown/Last Fixed Flashing Green Countdown module</i> pada <i>aspect</i> sediaada termasuk penyambungan kabel serta kelengkapan aksesori.	Nos	1,600.00
	<i>Membekal dan mengganti 7-Segment Red & Green LED Countdown Timer pada tiang sediaada (Vertical/Overhead pole) termasuk penyambungan kabel serta kelengkapan aksesori.</i>		
K	<i>2 Digit Display (VA Operated)</i>	Nos	8,700.00
L	<i>2/3 Digit Display (Fixed Time Operated)</i>	Nos	5,800.00
M	<i>VA Wirelss Countdown Red/Green 800mm X 600mm</i>	Nos	7,900.00
N	<i>Countdown Driver (Card)</i>	Nos	2,500.00
	<u>MEMBAIKI ALAT ROSAK</u>		
	Membaiki bahagian-bahagian <i>aspect housing</i> sediaada yang telah rosak menurut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.		
P	<i>Backing Board (Fiber) 3x300mm</i>	Nos	100.00
Q	<i>Aspect Door 300mm</i>	Nos	100.00
R	<i>Visor 300mm</i>	Nos	100.00
S	<i>Housing 300mm</i>	Nos	100.00
T	<i>Housing Bracket</i>	Nos	100.00
U	Membaiki <i>Pedestrian Pushbutton</i> sediaada yang telah rosak menurut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.	Nos	350.00
V	Membetulkan kedudukan <i>Aspect Housing</i> sediaada yang terpusing/terkulai pada tiang menurut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.	Nos	150.00
W	<i>Countdown Housing 800mm X 600mm</i>	Nos	5,600.00
X	<i>Countdown Power Supply Unit</i>	Nos	1,120.00
Y	<i>Countdown Antenna</i>	Nos	420.00
Z	<i>Countdown LED Board Module</i>	Nos	350.00

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
	<u>KERJA - KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM PENGESAN</u>		
	<u>ALAT GANTI BARU</u>		
	Membekal dan memasang <i>Inductive Loop Sensor</i> di atas jalanraya ke <i>Joint Pit/Detector Pit</i> termasuk kerja-kerja memotong jalan dan menutup slot korekan dengan <i>Bituminous Compound</i> .		
A	<i>Single Lane</i>	Lot	1,509.00
B	<i>Double Lane</i>	Lot	1,841.00
C	<i>Triple Lane</i>	Lot	2,232.00
D	Membekal dan memasang <i>Joint Pit/Detector Pit</i> untuk ruangan <i>End Box</i> sambungan <i>jointing Feeder Cable</i> dan <i>Loop Sensor Cable</i> termasuk aksesori kelengkapan dan penyambungan.	Nos	550.00
E	Membekal dan memasang <i>End Box</i> untuk <i>jointing Feeder Cable</i> dan <i>Loop Sensor Cable</i> termasuk <i>Seal Compound</i> serta aksesori kelengkapan dan penyambungan.	Nos	290.00
F	Membekal dan memasang <i>1-Channel Wireless Vehicle Detector (ROSIM WVD -130X)</i> di atas jalan raya untuk Sistem Pengesan termasuk aksesori kelengkapan.	Nos	4,800.00
G	Membekal dan Memasang <i>Wireless Antenna (ROSIM)</i> Lengkap dengan <i>10m Cable On Pole</i> untuk Sistem Pengesan termasuk aksesori kelengkapan.	Nos	2,200.00
	<u>MEMBAIKI ALAT ROSAK</u>		
H	Membaiki <i>CPU Card/Lamp Card/Detector Card/Unit</i> sediaada yang telah rosak di dalam Peti Kawalan menurut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.	Nos	400.00
J	Membaiki <i>Inductive Loop Sensor</i> sediaada yang telah rosak/putus di atas jalanraya ke <i>Joint Pit/Detector Pit</i> menurut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.	Lot	350.00

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
	<p><u>KERJA-KERJA PEMASANGAN PETI/ALAT KAWALAN BARU</u></p> <p>Membekal dan memasang <i>weatherproof housing</i> lengkap dengan <i>stainless steel cabinet</i> serta <i>Controller Module</i> yang berasaskan <i>microprocessor</i> yang direkabentuk dengan kefungsiian <i>Area Traffic Control System, fully/semi vehicle actuated, conflict monitoring, lamp monitoring, yellow-flashing, fault logging</i>, kelengkapan yang memenuhi sehingga <i>16 Signal Group</i>, kemudahan kelengkapan <i>remote monitoring dialled-up system</i>, kelengkapan konfigurasi bekalan elektrik lengkap dengan peranti perlindungan termasuk pendawaian dalaman, penyambungan kabel, tapak asas konkrit, sistem pbumian, kotak panel meter TNB dan program <i>Phasing/Timing</i> seperti yang telah ditentukan oleh Pegawai Penvelia.</p>		
	SCAE MT4040		
A	4 Signal Group	Nos	26,003.00
B	8 Signal Group	Nos	28,973.00
C	12 Signal Group	Nos	32,821.00
D	16 Signal Group	Nos	34,128.00
